

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
23 APRIL 2021
JUMAAT



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	EMPAT PENGUAT KUASA KASTAM TAK MENGAJU SALAH LEPAS KONTENA ROKOK	2
UTUSAN MALAYSIA	SUNGAI KIM KIM BERACUN	3
UTUSAN MALAYSIA	MENGANDUNGI TOKSIK PUNCA CIRIT- BIRIT BERDARAH, GATAL KULIT	4



SINAR HARIAN

Empat penguat kuasa kastam tak mengaku salah lepas kontena rokok

JOHOR BAHRU - Empat pegawai penguat kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Negeri Sembilan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis atas dua pertuduhan secara bersama melepaskan dua kontena rokok, tahun lalu.

Muhammad Faizulhidi Abd Manan, 33, Nazril Md Yusoo, 41, Mohd Zauf'an

Mohd Yusof, 42, dan Muhammad Najib Mohd Roby, 34, membuat pengakuan itu secara berasingan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail dan Wan Mohd Norisham Wan Yaakob.

Berdasarkan pertuduhan, mereka didakwa melakukan kesalahan dengan men-capai niat bersama menyebabkan barangan dagangan berupa rokok di dalam

sebuah kontena dilepaskan walaupun telah disita dengan sempurna.

Kesemua kesalahan itu didakwa dilakukan antara jam 2.41 pagi dan 6.30 petang pada 18 November 2020 di Pelabuhan Pasir Gudang, Mukim Plentong.

Sebaik pengakuan tidak bersalah direkodkan, mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 20 Jun depan.

Sinar
23/4/21



UTUSAN MALAYSIA



KAKITANGAN sebuah makmal bebas menggunakan peralatan khas, van dorn water sampler ketika mengambil sampel air Sungai Kim Kim di Pasir Gudang pada Mac lalu. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Sungai Kim Kim beracun

Dari muka 1

Berdasarkan bacaan E. coli sehingga 410,000 CFU/100mL yang direkod melalui sampel air Sungai Kim Kim, parameter itu meletakkan sungai berkenaan dalam Kelas V mengikut Standard Kualiti Air Kebangsaan (NWQS), selain melebihi paras 1,000 CFU/100mL untuk aktiviti rekreasi air sentuhan sekunder di bawah Standard Kebangsaan Kualiti Air Rekreasi Semulajadi, Kementerian Kesihatan.

Selain itu, difahamkan, bakteria E. coli mudah berjangkit daripada seorang individu ke individu lain terutama apabila orang dewasa atau kanak-kanak yang dijangkiti tidak mencuci tangan dengan betul. Tanda-tanda dan simptom jangkitan E. coli seperti cirit-birit (ringan, berair, berdarah); kekejangan; sakit atau rasa lembut pada abdomen serta mual dan muntah.

Tanda-tanda tersebut lazimnya bermula tiga atau empat



ZAKI ZAINUDDIN

hari selepas individu berkenaan terdedah kepada bakteria itu dan menjadi sakit selepas selepas sehari ataupun selepas lebih seminggu dijangkiti.

Sementara itu, bagi implikasi terhadap BOD pula, Zaki menjelaskan, parameter itu digunakan untuk mengukur bahan organik di mana bahan organik yang terurai akan menggunakan oksigen, sekali gus mengurangkan kandungan oksigen terlarut (DO) dalam sungai.

"Sebagaimana kita tahu, hidupan akuatik seperti ikan, udang dan lain-lain memerlukan

kan oksigen untuk hidup. Apabila oksigen kurang, maka terjejaslah hidupan akuatik di sungai kerana lebih tinggi nilai BOD akibat pencemaran kemungkinan lebih banyak DO digunakan.

"Malah, dalam situasi Sungai Kim Kim yang turut dipengaruhi pasang surut ia terhad dari segi pengudaraan semula (kemasukan oksigen dari udara ke dalam sungai) yang secara tidak langsung memudahkan lagi kejatuhan DO," katanya.

Dalam pada itu, kata beliau, dari segi ammonia pula, ia diketahui sebagai toksik untuk banyak hidupan akuatik.

"Hanya hidupan akuatik yang lasak dapat hidup dalam air yang mengandungi ammonia tinggi dan DO rendah.

"Maka jelas, kekurangan DO dan kehadiran nilai ammonia yang tinggi menjejaskan habitat akuatik Sungai Kim Kim dan ini belum lagi kita mengambil kira sisa-sisa lain yang mungkin berada dalam sungai terabit," katanya.



UTUSAN MALAYSIA

Mengandungi toksik punca cirit-birit berdarah, gatal kulit

Sungai Kim Kim beracun

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
aimyahmad@mediamulia.com.my

JOHOR BAHRU: Keputusan ujian mikrobiologi air Sungai Kim Kim mendapati ia mengandungi bakteria Escherichia coli atau E. coli dalam kuantiti tinggi yang memudaratkan kesihatan manusia termasuk menjadi punca cirit-birit berdarah.

Meskipun dalam kebanyakan jenis E. coli hanya beberapa sahaja yang boleh menyebabkan cirit-birit namun satu kumpulan E. coli termasuk O157: H7 boleh menghasilkan toksik sehingga merosakkan lapisan usus kecil manusia yang akhirnya individu itu mengalami cirit-birit berdarah.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pakar Kualiti Air dan Permodelan, Dr. Zaki Zainuddin berkata, hanya E. coli yang boleh menjejaskan kesihatan manusia manakala pencemaran lain membabitkan Keperluan Oksigen Biokimia (BOD) dan ammonia pula lebih kepada memberi kesan kepada

hidupan akuatik. Menurut beliau, kandungan E. coli yang tidak sepatutnya sehingga mencecah 410,000 CFU/100mL dalam Sungai Kim Kim dapat dinilai sendiri tahap kemudaratan kepada manusia yang terdedah dengan pencemaran berpunca bakteria berkenaan.

"Misalnya jika air yang tercemar mengandungi bakteria E. coli terlalu tinggi terkena pada kulit manusia ketika melakukan aktiviti menaiki bot, individu itu akan mengalami gatal kulit.

"Pendek kata berdasarkan sampel yang dianalisis, air Sungai Kim Kim mampu memberi kesan kepada manusia hanya dengan 'percikan,'" kata beliau baru-baru ini.

Isnin lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan keadaan Sungai Kim Kim dan Sungai Selangkah tenat berdasarkan keputusan BOD, Ammonia dan E. coli yang dianalisis sebuah makmal bebas bertauliah.



E. coli O157: H7
Hasilkan toksik hingga rosakkan usus kecil dan akibatkan cirit-birit berdarah

Bersambung di muka 2

